

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh MITRA pada tahun 2019 dan 2020 bagi tujuan pembangunan sosioekonomi kaum India di Parlimen Sungai Siput. Senaraikan pertubuhan-pertubuhan yang menerima peruntukan tersebut bagi tempoh masa 2019 hingga Oktober 2020.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Tahun **2019** jumlah keseluruhan yang diperuntukan adalah **RM72,041.80** di Parlimen Sungai Siput . Bilangan pecahan penerima manfaat mengikut kluster adalah seperti berikut:

**Kluster Modal Insan**

<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)</b>
Murid berumur 4,5,6 tahun	72,041.80

*(Nota\*: Bagi tahun 2019 tiada peruntukan diberi kepada Program MITRA dibawah Kluster Keusahawanan dan Kesejahteraan Sosial di Parlimen Sungai Siput)*

**2. MITRA di JPM (Jan 2020 – Mac 2020)**

Peruntukan yang disalurkan oleh MITRA di bawah JPM adalah **RM365,740** di Parlimen Sungai Siput.

**Kluster Modal Insan**

<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)</b>
Murid berumur 4,5,6 tahun	269,640

**Kluster Keusahawanan**

<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)</b>
Belia	96,100

3. **MITRA di KPN (April 2020 – Dis 2020)**

Peruntukan yang disalurkan oleh MITRA di bawah KPN adalah **RM168,065.45** di Parlimen Sungai Siput.

**Kluster Modal Insan**

<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)</b>
Murid berumur 4,5,6 tahun	85,351.70
Pelajar SJKT 9 -12 tahun	10,533.75
<b>JUMLAH</b>	<b>95,885.45</b>

**Kluster Keusahawanan**

<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)</b>
Wanita	22,680

**Kluster Kesejahteraan Sosial**

<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>JUMLAH YANG DILULUSKAN (RM)</b>
Peserta Diabetes	49,500

4. Tahun **2020** jumlah keseluruhan yang diperuntukan adalah **RM533,805.45** di Parlimen Sungai Siput.